

CNS3576

R GB 24-06. 00195 BB523

bah

PELANCARAN AKADEMI PENULIS 3 JULAI INI

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) hari ini berkata Perdana Menteri akan menjadi penaung kepada akademi penulisan dan penerbitan atau ringkasnya Akademi Penulis yang akan dilancarkan 3 Julai ini.

Ketua Satu Pena Datuk Ahmad Sebi Bakar berkata Pena menganggap persetujuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadi penaung persatuan itu sebagai tanda sokongan dan penghormatan beliau terhadap sumbangan golongan penulis tanahair dalam pembinaan negara.

Persetujuan itu juga dianggap sebagai sokongan terhadap usaha penulis untuk meningkatkan prestasi kaum penulis, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr Sulaiman Daud adalah antara yang bersetuju menjadi penasihat akademi itu manakala Ketua Jabatan Penulisan Universiti Malaya Prof Abu Bakar Hamid bersetuju menjadi pengerusi Majlis Pentadbir Akademi.

Persiapan akhir untuk pelancaran Akademi itu kini berjalan lancar dan dijadual dirasmikan oleh Anwar.

Katanya Pena yakin penubuhan Akademi Penulis itu akan membantu golongan penulis menghadapi realiti perubahan masa selaras dengan inti dan semangat penubuhan Pena 30 tahun lepas. -- Bernama

SN RON